



PANDUAN MENGISI BORANG CADANGAN PEMBANGUNAN NOSS

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MANUSIA

PANDUAN AM MENGISI BORANG CADANGAN PEMBANGUNAN NOSS

1. Pengenalan

Borang Cadangan Pembangunan NOSS adalah borang yang digunakan oleh wakil industri/persatuan industri dan agensi kerajaan untuk mencadangkan kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi keperluan pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skills Standard* (NOSS) dalam sesuatu tajuk /bidang pekerjaan.

2. Objektif

Borang Cadangan Pembangunan NOSS disediakan untuk:

- i. memudah dan mempercepatkan penyampaian cadangan daripada wakil industri/persatuan industri dan agensi kerajaan; dan
- ii. memudahkan pengumpulan maklumat berkaitan keperluan pembangunan NOSS.

3. Panduan Am Mengisi Borang Cadangan Pembangunan NOSS

- i. Borang Cadangan Pembangunan NOSS dan Panduan Mengisi Borang Cadangan Pembangunan NOSS boleh diperolehi dan dimuat turun dari laman web rasmi JPK: <http://www.dsd.gov.my>,
- ii. Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan bersama surat rasmi kepada:

**Pengarah Bahagian Standard Pekerjaan dan
Kurikulum TVET**
Jabatan Pembangunan Kemahiran Cyberjaya,
Blok 4803, Suite 0-10, Bangunan CBD Perdana,
Persiaran Flora, 63000 Cyberjaya, Selangor

PANDUAN KHUSUS MENGISI BORANG CADANGAN PEMBANGUNAN NOSS

Borang cadangan NOSS terdiri daripada 5 bahagian iaitu:-

- i. Bahagian A - Maklumat Pencadang
- ii. Bahagian B - Maklumat NOSS Yang Dicapang
- iii. Bahagian C - Maklumat Industri
- iv. Bahagian D - Pengakuan
- v. Bahagian E - Untuk Kegunaan Pejabat

4.1 Kategori Cadangan

Sila tandakan $\checkmark$ pada petak berkenaan samada cadangan yang dibuat adalah NOSS baru atau NOSS kaji semula. Sila rujuk laman web <http://www.dsd.gov.my> untuk semakan daftar NOSS terkini.

4.2 Bahagian A - Maklumat Pencadang

Sila isikan maklumat am pencadang.

Bil.	Perkara	Keterangan
1	Nama	Sila isikan nama penuh pencadang NOSS dengan jelas seperti kad pengenalan atau pasport.
2	No. K/P / No. Pasport	Sila isikan nombor kad pengenalan (bagi warganegara) atau nombor pasport (bukan warganegara) pencadang NOSS.
3	Warganegara	Sila isikan kewarganegaraan pencadang.
4	Nama syarikat/agensi	Sila isikan nama syarikat/ agensi yang diwakili oleh pencadang seperti yang didaftarkan dengan suruhanjaya / pendaftar berkaitan.
5	Alamat syarikat/agensi	Sila isikan alamat syarikat/ agensi yang sama didaftarkan dengan suruhanjaya / pendaftar berkaitan.
6	Alamat surat- menyurat	Sila isikan alamat surat-menyurat pencadang.
7	No. telefon - Pejabat - Faks - telefon mudah alih	Sila isikan nombor telefon pejabat, faks dan telefon mudah alih, di mana pencadang boleh dihubungi.
8	Laman web	Sila isikan alamat laman web industri/persatuan industri atau agensi kerajaan pencadang.
9	E- mel	Sila isikan alamat e-mel pencadang.

4.3 Bahagian B - Maklumat NOSS Yang Dicapangkan

Sila isikan maklumat berkaitan NOSS yang dicadangkan.

Bil.	Perkara	Keterangan
1	Sektor/ Sub-Sektor/ Bidang Pekerjaan	Sila masukkan sektor/ sub-sektor/ bidang pekerjaan NOSS yang dicadangkan. Contoh:- • Sektor: Elektrik dan Elektronik, Telekomunikasi dan Penyiaran • Sub- sektor: Elektrik • Bidang Pekerjaan: Juruelektrik
2	Tajuk Pekerjaan	Sila masukkan tajuk pekerjaan untuk NOSS yang dicadangkan. Contoh:- • Juruteknik Elektrik Rendah • Juruteknik Elektrik • Juruteknik Elektrik Kanan • Pembantu Jurutera Elektrik • Jurutera Elektrik
3	Justifikasi	Sila beri justifikasi / sebab / kenapa NOSS tersebut perlu dibangunkan berasaskan analisis keperluan industri dan dasar-dasar kerajaan (Rancangan Malaysia, RRJP, IMP dan lain-lain) berserta dokumen sokongan. Contoh dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:- • Laluan kerjaya bagi tajuk pekerjaan yang dicadangkan • Bukti sokongan keperluan industri • Peruntukan Pembangunan NOSS (jika ada) • Cadangan tajuk pekerjaan baru atau tugas baru untuk NOSS kajisemula • Dokumen berkaitan: standard/ Manual / sukatan latihan dll. (jika ada) • Lain-lain dokumen Sila tandakan ✓ bagi dokumen yang disertakan.

4.4 Bahagian C – Cadangan Industri/ Syarikat/ Pakar Industri

Sila isikan maklumat cadangan pakar industri bagi NOSS yang dicadangkan.

Bil.	Perkara	Keterangan
1	Nama syarikat / agensi berkaitan industri	Sila masukkan nama syarikat dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab dan terbabit dalam industri berkaitan.
2	Nama pengamal / pakar	Sila nyatakan nama pengamal atau pakar yang berkaitan dengan syarikat dan agensi kerajaan yang boleh dihubungi.
3	Jawatan / peranan	Sila nyatakan jawatan pengamal atau pakar yang telah disenaraikan.
4	No. tel	Sila nyatakan nombor telefon pengamal atau pakar yang telah disenaraikan.

4.5 Bahagian D - Pengakuan

Sila tandatangan di ruangan yang disediakan setelah membaca dan memahami perkara-perkara yang dinyatakan.